

PANACID SUSPENSION

Mefenamic acid (125mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panacid Suspension.
2. Bagaimana Panacid Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Panacid Suspension.
4. Cara menggunakan Panacid Suspension.
5. Semasa menggunakan Panacid Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panacid Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Panacid Suspension

Mefenamic acid adalah ubat penahan sakit dan anti-radang. Ia digunakan untuk melegakan:

- Sakit kepala.
- Osteoarthritis
- Sakit otot
- Kecederaan
- Sakit gigi
- Sakit selepas pembedahan
- Sakit selepas bersalin
- Sakit Haid

Bagaimana Panacid Suspension berfungsi

Panacid Suspension mengandungi Mefenamic Acid. Mefenamic Acid tergolong dalam kumpulan ubat *non-steroid anti-inflammatory drugs* (NSAIDs) yang berfungsi dengan menyekat enzim dalam badan yang dipanggil cyclo-oxygenase (COX). Enzim ini membantu menghasilkan bahan semula jadi yang dipanggil prostaglandin, yang menyebabkan kesakitan, keradangan, dan demam. Dengan mengurangkan prostaglandin, Mefenamic acid membantu mengurangkan gejala ini.

Sebelum menggunakan Panacid Suspension

– Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Panacid Suspension:

- Anda alah kepada mefenamic acid atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)

- Jika anda mengalami ulser aktif atau keradangan kronik perut dan/atau usus.
- Jika anda mengalami masalah buah pinggang atau hati.
- Jika anda mengalami gangguan pendarahan (hypoprothrombinemia)
- Jika anda mengalami reaksi alahan terhadap aspirin atau NSAID lain (ubat yang digunakan untuk mengurangkan kesakitan, demam dan keradangan)
- mempunyai sejarah ulser, penggunaan alcohol berlebihan, atau merokok

– Sebelum menggunakan Panacid Suspension

Beritahu doktor anda jika anda:

- adalah warga emas
- mempunyai sejarah masalah perut atau usus
- mempunyai masalah jantung atau berisiko atau masalah jantung
- mempunyai tekanan darah tinggi
- mengalami kegagalan jantung atau cecair berlebihan di dalam badan
- sedang mengambil ubat cair darah atau steroid (untuk keradangan)
- sejarah tindak balas kulit yang teruk

Kehamilan dan penyusuan

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Jangan ambil ubat ini jika anda sedang hamil kerana ia boleh menjejaskan bayi dalam kandungan. Jika anda menyusukan bayi, sejumlah kecil ubat boleh dirembeskan ke dalam susu ibu, jadi doktor akan menasihatkan sama ada anda perlu berhenti ubat ini atau berhenti menyusukan.

– Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil:

- Aspirin (digunakan untuk masalah berkaitan jantung)
- Warfarin atau ubat lain yang mencairkan darah
- Ubat untuk tekanan darah tinggi

- Kortikosteroid (untuk keradangan)
- Cyclosporine, tacrolimus (untuk mencegah penolakan selepas pemindahan organ)
- Ubat untuk kencing manis, termasuk insulin
- Lithium (untuk merawat gangguan mood)
- Methotrexate (untuk kanser atau masalah autoimun)

Cara menggunakan Panacid Suspension

– Berapa banyak harus digunakan

Ambil secara oral.

Dewasa dan kanak-kanak berumur 14 tahun ke atas: Ambil 20 ml (500 mg) untuk dos pertama, kemudian 10 ml (250 mg) setiap 6 jam jika perlu. Jangan gunakan lebih daripada 1 minggu.

Untuk sakit semasa haid (senggugut): Mulakan ubat apabila pendarahan dan sakit bermula. Biasanya hanya diperlukan selama 2 hingga 3 hari.

Kanak-kanak berumur lebih 6 bulan: Doktor akan tentukan dos yang sesuai berdasarkan berat badan anak anda (lebih kurang 25 mg bagi setiap kg berat badan, dibahagikan sehingga 3 kali sehari).

Sentiasa gunakan dos paling rendah untuk tempoh masa yang paling singkat yang diperlukan.

– Bila perlu digunakan

Ambil 3-4 kali sehari atau apabila perlu atau mengikut arahan doctor atau ahli farmasi anda.

– Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Panacid Suspension selama yang disyorkan oleh doktor..

– Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

PANACID SUSPENSION

Mefenamic acid (125mg/5ml)

– Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.
- Mengambil Panacid Suspension secara berlebihan boleh menyebabkan kurang tenaga, mengantuk, loya, muntah, sakit perut, pendarahan dalam saluran penghadaman, tekanan darah tinggi, kegagalan buah pinggang, pernafasan menjadi lemah, koma, reaksi alahan yang teruk, sawan serta masalah pendarahan.

Semasa menggunakan Panacid Suspension

– Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda anda sedang menggunakan Panacid Suspension.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

– Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Panacid Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

– Perkara yang perlu diberiperhatian

- Jika anda mengalami ruam dan lepuh kulit semasa rawatan anda, maklumkan kepada anda doktor dengan segera.
- Hentikan pengambilan ubat dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami sakit perut yang teruk, najis berwarna hitam, muntah berdarah, atau cirit-birit yang berterusan.
- Jika anda mengambil ubat untuk tekanan darah tinggi, doktor anda mungkin perlu memeriksa tekanan darah anda dengan lebih kerap.

Memandu dan menggunakan mesin
Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika ubat ini membuatkan anda berasa mengantuk, pening, keletihan atau menjejaskan penglihatan anda, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Panacid Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda dinasihatkan untuk berjumpa doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Kesan sampingan yang paling biasa ialah:

- masalah perut seperti cirit-birit, loya, muntah, atau sakit perut.

Kesan sampingan yang kurang biasa tetapi lebih serius termasuk:

- ulser perut atau pendarahan (najis berwarna hitam atau muntah berdarah).
- reaksi kulit seperti ruam, gatal-gatal, atau geligata.
- serangan asma pada individu yang sensitif.

Kesan sampingan lain (jarang berlaku):

- rasa mengantuk, pening, gelisah, atau sakit kepala.
- masalah penglihatan atau tidur.
- sakit atau kerengsaan pada mata atau telinga.
- masalah membuang air kecil (darah dalam air kencing, sakit ketika kencing).
- perubahan pada sel darah yang boleh meningkatkan risiko jangkitan, pendarahan, atau mudah lebam.

Kesan sampingan kulit yang sangat jarang tetapi serius juga telah dilaporkan (seperti melepuh atau kulit mengelupas). Hentikan pengambilan ubat dan berjumpa doktor dengan segera jika ini berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman

web npra.gov.my [Consumers-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Panacid Suspension

– Penyimpanan

Simpan di tempat kering di bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

– Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alamsekitar.

Maklumat lanjut

– Rupa dan warna produk

Suspensi berwarna oren dengan rasa buah.

– Bahan-bahan kandungan

– Bahan aktif:

Mefenamic Acid.

– Bahan Tidak Aktif:

Refined sugar, Xanthan gum, Tragacanth, Sorbitol, Methylparaben, Propylparaben, Sodium citrate, Citric acid monohydrate, colour sunset yellow, Raspberry flavour and Purified water.

– Nombor MAL

MAL20040034AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.
Lot 5030, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor

Tarikh kemaskini RiMUP

05/12/2025

Nombor siri:

NPRA(R/4/1)260625/00052